

Koh Ucap Selamat Tahun Baru Cina
Bernamea
23 Januari, 2012

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Presiden Gerakan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua rakyat Malaysia yang meraikannya dan berharap ia disambut dengan penuh kegembiraan, keharmonian serta kemakmuran.

Beliau berkata tahun ini yang merupakan tahun naga, akan dipenuhi dengan pelbagai cabaran dan perubahan.

"Bagaimanapun, jika kita tekad dan penuh dedikasi dengan semangat 1Malaysia 1Hati, saya yakin kita akan mampu mengatasinya," katanya dalam satu rakaman perutusan menerusi laman web Gerakan Ahad malam.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=641749>